

Tumpuan Dr M di Sri Lanka, Bangladesh, dan Maldives

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rombongannya ke Bangladesh, Sri Lanka dan Maldives akan menumpukan perhatian kepada bantuan serta kerjasama pertanian dan perdagangan untuk negara-negara itu, di bawah Rancangan Bantuan Teknikal.

Malaysia juga akan menandatangani dua perjanjian dengan Bangladesh dan satu dengan Sri Lanka.

Perjanjian-perjanjian dengan Bangladesh ialah untuk sektor perkapalan dan mengelakkan kemungkinan cukai dua kali sementara yang dengan Sri Lanka pula ialah untuk kebudayaan.

Perdana Menteri akan di Bangladesh dari 18 ke 21 April, sebelum ke Sri Lanka untuk lawatan tiga hari. Dari situ, beliau akan ke Pulau Maldives untuk tiga hari.

Selain dari rombongan rasmi, sembilan wakil bank, wakil pelaburan dan Dewan Perniagaan Melayu akan mengikut jadual tersendiri.

Dalam bidang pertanian, Bangladesh mengharapkan agar Malaysia dapat membantunya menanam kelapa sawit sebagai projek percubaan. Negara itu juga berharap untuk mengu-

kuhkan industri getahnya.

Perjanjian Kerjasama Ekonomi dan Teknikal antara Malaysia dan Bangladesh dipersetujui dalam bulan April 1979 dan semenjak 1980, Malaysia telah meningkatkan bantuannya kepada negara itu.

Kesungguhan Malaysia untuk membantu Bangladesh dibuktikan melalui pengecualian dari sekatan ke atas eksport benih kepala sawit. Mengikut persetujuan, Malaysia akan mengeksport 600,000 benih dalam tempoh tiga tahun tetapi ianya belum dilaksanakan kerana Malaysia masih menunggu surat kredit dari Bangladesh.

Untuk getah pula, kita bersetuju menghantar 240,000 benih dari 1980 hingga tahun ini.

Latihan

Pada keseluruhannya, lebihan dagangan antara kedua-dua negara banyak menguntungkan Malaysia dan Bangladesh dijangka menyentuh perkara ini dalam perbincangan rasmi nanti. Bagaimanapun, cadangan untuk membetulkan keadaan ini akan dikemukakan.

Di Sri Lanka, tumpuan akan diberikan kepada pelaburan dan projek usahasama, lebih-lebih lagi kerana kerajaan yang dipimpin oleh Presiden Jayawardene men-

gamaikan sistem ekonomi bebas.

Menurut para pegawai Wisma Putra, Malaysia berminat untuk menyertai bidang kelapa sawit tetapi seperti juga di Bangladesh, bahan ini disalangi hebat oleh kacang soya. Dan seperti juga Bangladesh, Sri Lanka turut diberi bantuan di bawah Rancangan Bantuan Teknikal.

Satu isu yang mungkin disuarakan oleh Sri Lanka ialah keinginannya untuk menyertai Asean. Negara itu dari tahun 1967 lagi, iaitu tahun penubuhan Asean, telah menunjuk minat untuk menjadi ahli pereseutan ini tetapi isu yang diketepikan oleh kerajaan sosialis dulu dihidupkan kembali oleh Presiden Jayawardene dalam tahun 1977.

Pulau Maldives pula berhak menerima bantuan dari Malaysia kerana ia menjadi ahli Pertubuhan Negara-negara Islam dan disifatkan sebagai negara kurang maju.

Negara itu memerlukan bantuan dan Malaysia pula memang bersedia memberikannya.

Antara corak bantuan yang Maldives perlukan ialah benih-benih tembikai, jagung dan cili kering serta latihan ketenteraan, membaca Quran dan bidang pelajaran untuk guru besar sekolah masyarakat.